

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan adakah Rancangan Malaysia Kedua Belas menyatakan sokongan kepada Majlis Media yang dijanjikan ditubuhkan supaya mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Artikel 10 tentang kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia dilihat bersesuaian dengan objektif Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu untuk mencapai “Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan” menerusi Tema/Pemangkin Dasar yang ke-2 iaitu memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Berdasarkan perancangan di dalam RMKe-12 tersebut, keselamatan dan kesejahteraan negara terus menjadi keutamaan dalam mengekalkan sebuah negara yang teguh dan berdaya tahan.

Dalam hal yang sama, walaupun Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memberikan hak setiap warganegara untuk memiliki kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan, hak tersebut bukanlah mutlak dan masih tertakluk kepada undang-undang negara

SOALAN NO : 33

yang berkuat kuasa di Malaysia. Ini adalah bagi memastikan agar Kerajaan dapat terus memelihara kedaulatan, keamanan, kestabilan dan keharmonian di negara ini.

Cadangan awal penubuhan Majlis Media Malaysia ini adalah untuk bertindak dalam mempertahankan kebebasan media negara bagi menyampaikan maklumat dan sebagai sebuah badan adjudikasi yang akan mengawal selia aduan yang diterima daripada orang awam berkaitan media. Sehubungan itu, pertimbangan mendalam perlu diambil dalam usaha merealisasikan penubuhan Majlis Media Malaysia ini terutamanya dalam mengenal pasti impak pelaksanaannya kepada keselamatan, keharmonian dan kedaulatan negara.